

BERITA HARIAN

DATE: 22 / 08 / 2007

Malaysia, Thailand perlu tingkat dagangan: PM

BH-22/8/2007.

Pertambahan pelaburan boleh eratkan hubungan antara satu sama lain

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia dan Thailand perlu melipatgandakan usaha mempromutuskan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, peningkatan dalam perdagangan dan perhubungan pelaburan kedua-dua negara bukan saja akan saling memanfaatkan tetapi akan tambah mengeratkan hubungan antara satu sama lain.

“Walaupun Malaysia dan Thailand adalah rakan penting dalam dua bidang itu tetapi kedua-dua negara lebih banyak berdagang dan melabur di negara lain,” katanya berucap pada majlis jamuan meraikan Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanont yang sedang melawat ne-

gara ini di sini, malam tadi.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; isteri Surayud, Khunying Chitravadee dan delegasi Thailand terdiri daripada beberapa menteri kabinet.

Abdullah juga berkata, Malaysia akan terus bekerjasama rapat dengan Thailand bagi mempromutuskan kepentingan Asean demi kebaikan rantau ini.

Katanya, Malaysia menawarkan bidang khusus dalam pendidikan dan pembangunan modal insan sebagai sebahagian daripada sokongan kepada Thailand yang sedang berusaha melaksanakan pembangunan sosioekonomi menyeluruh di kawasan selatan Thailand.

Abdullah berkata, hubungan antara Malaysia dan Thailand adalah berbilang dimensi kerana ia melangkaui tahap hubungan biasa kerajaan

dengan kerajaan, turut meliputi perhubungan antara rakyat dengan rakyat.

“Sebagai jiran yang baik, ini adalah yang sewajarnya dan kita perlu memupuk dan menggalakkan agar perhubungan sebegini dapat terus dipertahankan,” katanya.

Abdullah berkata, Malaysia akan terus bekerjasama dengan Thailand bagi menjamin keamanan dan keselamatan di rantau Asean, Asia Timur, malah di seluruh dunia.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga sedar dan mengikuti dengan penuh minat perkembangan proses pembentukan perlembagaan di Thailand sekarang.

“Sebagai rakan dan jiran anda, kami mendoakan Thailand berjaya sepenuhnya dalam melaksanakan pembaharuan yang ia ingin perkenalkan demi kebaikan rakyat-

nya,” katanya.

Sementara itu, Surayud dalam ucapannya menegaskan, beliau yakin mesyuarat tahunan antara Malaysia dan Thailand akan membuah hasil positif bagi memaju hubungan baik kedua-dua negara untuk 50 tahun lagi.

Surayud berkata, beliau banyak belajar dari Malaysia usaha membasmi kemiskinan menerusi konsep pembangunan modal insan seperti yang dibincangkan dengan mendalam dalam Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2007, baru-baru ini.

“Saya juga kagum dengan pendekatan ‘Cara Malaysia’ untuk mencapai kejayaan dengan tidak menjadikan langit sebagai penghalang apabila negara ini terbabit dalam program penghantaran angkasawannya sendiri dalam misi angkasa lepas,” katanya.